

# NOTIS BAGI CALON

## Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaans

Isi kandungan notis ini mengandungi peraturan-peraturan penting semasa peperiksaan dijalankan. Sila ambil perhatian ke atas notis ini. Sebarang pertanyaan sila berjumpa dengan Ketua Pegawas Peperiksaan atau Pengawas Peperiksaan.

### PERATURAN BAGI CALON

Perkara yang mesti diambil perhatian oleh calon pada hari peperiksaan adalah seperti berikut :

- Calon **dikehendaki** untuk membawa **kad pengenalan pintar** semasa menduduki peperiksaan.
- Calon **dikehendaki** untuk berpakaian kemas dan sesuai pada setiap masa dalam menduduki peperiksaan dan **tidak dibenarkan** memakai **selipar/sandal** dan **jeans**.
- Calon **dilarang** sama sekali membawa **telefon bimbit / alat komunikasi / alat perakam suara / alat elektronik seperti Smart Watch** yang ada kemudahan menyimpan data ke dalam dewan / bilik peperiksaan.
- Calon **diingatkan** jika didapati meniru atau berlaku curang akan dikenakan tindakan tatatertib.
- **Tidak dibenarkan bercakap, berbincang atau mengganggu calon lain semasa dalam peperiksaan.**
- Calon **hanya dibenarkan** membawa masuk alat tulis dan peralatan yang diperlukan sahaja **tanpa beg** ke dalam bilik / dewan peperiksaan. Calon dilarang untuk meminjam alat tulis daripada orang lain.
- Semua kerja-kerja termasuk **rough work** **hendaklah** dibuat dalam kertas peperiksaan berkenaan.

#### UJIAN KEPANTASAN MENAIP

- Calon tidak diperlukan untuk membawa mesin taip.
- Calon hendaklah **memahami dan mengambil perhatian pada arahan** yang diberikan semasa peperiksaan dijalankan nanti.

#### UJIAN KEPANTASAN TRENGKAS

- Calon **dilarang** sama sekali membawa sebarang **nota / kamus trengkas** dan **tidak dibenarkan** membawa keluar skrip jawapan.
- Calon **dilarang** sama sekali membawa sebarang **alat perakam suara** ke dalam dewan / bilik peperiksaan.
- Calon **mestilah** mencatat nota trengkas di atas kertas yang disediakan sahaja.
- Trengkas **bolehlah** ditulis dengan menggunakan pensil atau pen tetapi terjemahan hendaklah ditulis dengan pen.
- Calon akan diberikan latihan pembiasaan sebelum peperiksaan dimulakan.
- Nota trengkas **hendaklah** disusun dengan susunan yang betul, dengan muka surat (helaian) yang diberi nombor berserta dengan terjemahannya.
- **Nama calon tidak boleh ditulis dalam kertas-kertas jawapan.**
- Jenis sistem trengkas dan kepantasan yang digunakan hendaklah dicatat ke dalam kertas terjemahan.

### MAKLUMAT DAN PANDUAN

#### Pastikan ketepatan kedatangan awda

- Pastikan calon mengetahui tarikh, masa dan tempat peperiksaan dan **berada di dalam dewan / bilik peperiksaan 15 minit sebelum peperiksaan dimulakan.**
- Jika calon terlewat datang untuk menduduki sebarang peperiksaan, sila melaporkan diri kepada Pengawas.
- Dalam beberapa kes-kes yang tidak munasabah calon tidak akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.
- Sekiranya calon ketinggalan dalam menduduki sebarang peperiksaan maka calon tidak akan diberikan sebarang markah atau pun gred.

#### Sebelum Peperiksaan

- Calon diingatkan supaya mengambil perhatian terhadap panduan dan amaran yang terkandung dalam notis ini.
- Calon hendaklah menyerahkan telefon bimbit / alat komunikasi / alat perakam suara / alat elektronik yang ada kemudahan menyimpan data kepada pengawas sebelum peperiksaan bermula. (*Keselamatan telefon bimbit yang ada dalam simpanan pengawas adalah risiko / tanggungan calon sendiri*).
- Perhatikan dan teliti arahan yang terdapat pada kertas soalan.
- Calon-calon adalah dinasihatkan untuk menggunakan masa yang diperuntukkan sepenuhnya.

#### Khidmat nasihat dan bantuan semasa peperiksaan

- Jika calon berasa kurang sehat dan akan menjelaskan dalam membuat jawapan dalam peperiksaan yang didudukinya maka segera memberitahu Pengawas akan keadaannya untuk mendapatkan sebarang nasihat dan pertimbangan.

### AMARAN KEHILANGAN KELAYAKAN

**Jika calon didapati meniru atau berlaku curang atau melanggar peraturan yang telah ditetapkan maka calon akan terkeluar dari mendapat kelayakan untuk menduduki peperiksaan.**